

# Project Park pertahan kejuaraan, rangkul Piala YB Dato Majang Renggi

**BINTULU:** Skuad Project Park dinobatkan sebagai juara Kejuaraan Bola Sepak 9 Sebelah Terbuka Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Piala YB Dato Majang Renggi edisi kedua 2024 di padang UPMKB, baru-baru ini.

Ia merupakan kejuaraan kali kedua diraih skuad terbabit selepas meraihnya pada kejohanan sama tahun lepas.

Kejohanan yang berlangsung 19 dan 20 Oktober 2024 lepas itu menyaksikan skuad terbabit membawa pulang hadiah wang tunai RM2,500, trofi, pingat dan sijil penyertaan.

Kedudukan naib juara menjadi milik Ensumbar FC yang menerima hadiah RM1,500, trofi, pingat dan sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga disandang bersama Kenyana OU dan Saraban FC yang masing-masingnya menerima hadiah wang tunai RM800, trofi, pingat dan sijil penyertaan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Pegawai Tadbir Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samalaju Dato Majang Renggi iaitu Taddy Ajin.

Hadir sama Timbalan



**NAIB JUARA:** Skuad Ensumbar FC merakam gambar kenangan.

Presiden Persatuan Bola Sepak Bintulu (BiFA) Awang Madihi Awang Yatim, wakil pengurusan UPMKB Mohd Amaludin Salleh dan Penasihat Kelab Bola Sepak Putra Tiger Hakbaryzma Drahman.

Hakbaryzma berkata, kejohanan anjuran Kelab Bola Sepak Putra Tiger UPMKB ini diharap akan dapat diteruskan penganjurannya pada masa akan datang bagi menyemarakkan semangat kesukanan dalam masyarakat.

Katanya, ia sebagai platform terbaik mencungkil bakat belia yang berpotensi

untuk diketengahkan dalam pasukan negeri dan kejohanan lain yang dipertandingkan.

Sebanyak 11 pasukan bersaing dalam kejohanan sempena Karnival Muzik dan Sukan (KAMUS) 2024 UPMKB tersebut merangkumi penyertaan pasukan agensi dan kelab luar sekitar Bintulu, Betong dan Kuching.

Pengarah kejoanannya, Damie Ukar berkata, penganjuran kejohanan ini akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan pertukaran idea dalam meningkatkan kualiti sukan bola sepak di bahagian ini serta memupuk semangat berpasukan.